

Headline	Jus manggis untuk penjagaan kesihatan berkualiti		
MediaTitle	Kosmo		
Date	08 Apr 2013	Color	Full Color
Section	Niaga	Circulation	115,967
Page No	L-52	Readership	406,000
Language	Malay	ArticleSize	174 cm <sup>2</sup>
Journalist	IKHWAN IDERIS	AdValue	RM 1,513
Frequency	Daily	PR Value	RM 4,539



## Jus manggis untuk penjagaan kesihatan berkualiti

IKHWAN IDERIS

**SUBANG JAYA** – Produk makanan tambahan dan minuman kesihatan berasaskan buah manggis begitu diminati masyarakat tempatan kira-kira tiga hingga empat tahun yang lalu, namun popularitinya kini dilihat semakin mendatar sejak kebelakangan ini.

Namun bagi Pengarah Urusan Intergrade Resources Sdn. Bhd. (IRSB), Shamsuddin Sharifuddin, produk yang dihasilkan daripada bahan mentah itu masih lagi mendapat permintaan yang tinggi di pasaran dan ia mempunyai pengikutnya yang tersendiri kerana memiliki khasiat semula jadi yang berkualiti tinggi.

“Cuma mungkin populariti dan khasiat masing-masing tidak lagi dipromosikan pihak media serta kurangnya aktiviti pengiklanan seperti mana yang berlaku ketika ia mula diperkenalkan di pasaran,” katanya ketika ditemui di sini baru-baru ini.

Menyedari ada ruang dan peluang yang terbuka luas, Shamsuddin dan

rakan perniagaan dalam IRSB memperkenalkan minuman kesihatan Nu3 Shamelyn Mangostyn Juice yang merupakan produk sulung syarikatnya.

“Buah manggis dikenali di negara ini sebagai ‘permaisuri buah,’ dan khasiatnya memang diperakui oleh pakar-pakar kesihatan dari dalam dan luar negara.

“Manggis mempunyai bahan aktif yang dikenali sebagai Xanton yang mempunyai sifat antioksidan yang tinggi dan memberi kesan positif kepada keseluruhan sistem badan terutamanya bagi pesakit kencing manis.

“Produk ini yang dibangunkan oleh Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) juga mempunyai sijil halal dan memiliki pensijilan Amalan Pengilangan Baik (GMP) jelasnya.

Syarikat menyasarkan untuk menjual 20,000 kotak Nu3 Shamelyn tahun ini yang dijual pada harga RM150 sekotak di Semenanjung.

Ia boleh didapati melalui pengedar atau menerusi laman web [www.irsb2u.com](http://www.irsb2u.com) dengan perkhidmatan penghantaran percuma,” katanya.



**SHAMSUDDIN** menunjukkan produk Nu3 Shamelyn Mangostyn Juice di Subang Jaya, Selangor baru-baru ini.